

30/05/2000

Pulau Pinang, Kelantan akur teguran PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Kelantan menerima teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pentadbiran negeri meningkatkan pengurusan kewangan masing-masing.

Di BUTTERWORTH, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon memberi jaminan pihaknya sentiasa berusaha menguruskan hal ehwal kewangan negeri mengikut peraturan dan sistem audit sedia ada.

"Walaupun masalah yang dihadapi tidak serius, kerajaan negeri sentiasa akan memperbaiki sistem audit dan berdasarkan laporan, tidak ada penyelewengan serius berlaku," katanya.

Dr Koh mengulas teguran Perdana Menteri terhadap sesetengah kerajaan negeri kerana masih gagal melaksanakan pengurusan kewangan dengan teliti sehingga menyebabkan kehilangan hasil berjuta ringgit.

Di KOTA BHARU, Kerajaan Pas Kelantan menyambut baik teguran Dr Mahathir berhubung sesetengah kerajaan negeri masih gagal melaksanakan pengurusan kewangan dengan teliti.

Pengerusi Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pentadbiran Awam negeri, Takiyuddin Hassan berkata, teguran itu adalah peringatan kepada kerajaan negeri termasuk kerajaan Pas Kelantan supaya mengambil langkah perlu dalam menangani perkara itu.

(END)